

18/03/1997

Anastoria sedia tempat kediaman bermutu

Dzulkfley Zanudin

PEMBANGUNAN estet perumahan Taman Ipoh Jaya, termasuk kawasan berhampiran seperti projek terbaru Taman Ipoh Jaya Timur adalah bukti usaha syarikat pemaju tempatan, Anastoria Sendirian Berhad (Anastoria) menyediakan tempat tinggal bermutu dan sesuai kepada penduduk bandar raya Ipoh.

Pengurus Kanan Anastoria, Ronald Hor, berkata menjadi moto syarikatnya untuk menyediakan kepada pelanggan rumah bermutu tinggi serta selesa.

Malah itu adalah matlamat Anastoria sebagai syarikat milik penuh South Malaysia Industries Berhad (SMI) sejak menceburi bidang pembangunan hartanah di Ipoh, lebih 20 tahun lalu serta membina lebih 2,000 unit rumah dan rumah kedai.

Beroperasi di kawasan Taman Ipoh Jaya dan Taman Ipoh Jaya Timur, syarikat itu berjaya mewujudkan suasana penempatan yang selesa dan sesuai kepada warga Ipoh yang semakin dahagakan kemudahan perumahan yang mampu dibeli mereka.

Bagi memastikan projeknya terutama Taman Ipoh Jaya Timur memenuhi kehendak pembeli, Anastoria mengambil kira selera orang ramai, terutama mementingkan keunggulan, moden dan keselesaan setiap pelanggannya.

Kedudukan taman yang mempunyai kadar penduduk yang sesuai dan tidak terlalu padat berbanding kebanyakan taman lain di Lembah Kinta, menjadi aspek penting yang dapat menarik perhatian pembeli.

Taman kira-kira empat kilometer ke tenggara pusat bandar raya Ipoh mempunyai kemudahan laluan ke tempat lain terutama Gunung Rapat yang dihubungkan oleh Jalan Raja Musa Mahadi untuk ke Jalan Gopeng dan Jalan Sultan Azlan Shah.

Antara kemudahan berhampiran estet perumahan itu ialah kompleks perdagangan, stesen minyak, sekolah, institusi pendidikan dan Kelab Golf Diraja Perak.

Disebabkan mementingkan mutu dan kepuasan pelanggan, kebanyakan projek Anastoria mendapat sambutan menggalakkan pelanggan serta habis dijual tidak sampai seminggu dilancarkan.

Misalnya, lebih 70 peratus daripada 31 unit rumah kedainya di Taman Ipoh Jaya Timur laris dijual sejak dilancarkan serta dijangka siap pada suku pertama atau kedua tahun depan.

Begitu juga dengan 95 peratus daripada 20 unit rumah berkembarnya di Taman Ipoh Jaya Timur yang habis dijual tidak sampai seminggu dilancarkan, Januari lalu.

"Kami akan melancarkan 93 unit rumah teres dua tingkat yang mempunyai empat bilik serta setiap bilik dilengkapi bilik mandi, selewat-lewatnya April atau Mei depan," katanya.

Menurutnya, projek rumah mewah itu dijangka menjadi estet perumahan pertama paling lengkap di Lembah Kinta yang tidak memerlukan pembelinya membuat sebarang pengubahsuaian, sebaliknya terus masuk menginap selepas mendapat sijil layak menduduki (CF).

Projek di Taman Ipoh Jaya Timur itu dengan keluasan kawasan binaan 1,780 kaki persegi dilengkapi ruang dapur basah dan kering selain ditanam rumput sebagai mini taman untuk keselesaan penghuninya.

Menurut Hor, Anastoria turut menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan menyediakan ruang hijau dan kemudahan rekreasi seperti menanam rumput dan pokok hiasan di tapaknya di Taman Ipoh Jaya Timur seluas 12.8 hektar.

Penanaman rumput dan pokok terbabit sudah dijalankan yang penghuni pasti

terasa selesa sebaik sahaja menginap di situ untuk menikmati suasana penginapan yang nyaman dan damai.

Harga cadangan atau awal untuk rumah jenis itu mungkin lebih RM130,000 yang dijangka disediakan dalam tempoh 24 bulan selepas urusan perjanjian jual beli.

Berikutan keunikan projek serta kemudahan yang disediakan, kaunter jualan Anastoria di 220 Jalan Sultan Iskandar, 30000 Ipoh sudah menerima tempahan daripada lebih 50 pembeli berminat terhadap projek rumah teres dua tingkatnya yang unik itu.

Mereka yang inginkan sebarang maklumat lanjut mengenai projek Anastoria termasuk untuk pendaftaran boleh menghubungi syarikat itu menerusi telefon 05-2558688 atau faksimili 05-2545000.

(END)